

14/11/2000

Agenda tersembunyi di sebalik gejala 'kurang ajar'

Famka Al-Amin

PERISTIWA tujuh ahli Kongres mengemukakan usul kepada Dewan Perwakilan Amerika Syarikat itu bagi mendesak agar Datuk Seri Anwar Ibrahim dibicarakan semula, peristiwa parti Keadilan menganjurkan perhimpunan haram serta Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor, yang mencabar pihak berkuasa agar menangkapnya, bolehlah dikira sebagai satu gerakan terancang oleh beberapa pihak tertentu yang berkepentingan politik.

Namun, hakikat di sebalik semua ini ialah satu persamaan, iaitu gejala 'kurang ajar'.

Apa yang berlaku itu didorong oleh agenda masing-masing terhadap negara ini. Di dalam tindakan terancang, maka berlakulah beberapa kejadian kurang ajar oleh mereka, baik yang di luar negara mahu pun dari kalangan rakyat negara ini sendiri.

Peristiwa tujuh ahli Kongres Amerika yang cuba masuk campur dalam sistem kehakiman negara kita jelas membuktikan terdapatnya agenda tersembunyi Barat terhadap Malaysia seperti yang sering diingatkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ada di kalangannya ahli Kongres terbabit yang pernah mempertahankan hak golongan homoseks serta menjadi hero Yahudi.

Bagaimana mereka ini boleh menjadi rakan sekutu kepada perjuangan pembangkang? Atau bagaimana pembangkang boleh tergamak memilih mereka sebagai sekutu perjuangan mereka?

Walau apa pun, mereka kini telah dibukakan jalan oleh penderhaka ini untuk cuba menunjukkan kebiadapan kuasa mereka di sini.

Ternyata sikap kurang ajar tujuh ahli Kongres terbabit tidak boleh diterima oleh rakyat negara ini. Malaysia tidak perlukan tunjuk ajar pihak lain, terutama yang negaranya sendiri gagal menghakimi dengan adil empat pegawai polis yang menembak mati seorang lelaki kulit hitam hanya kerana lelaki itu memegang dompet yang disangkakan pistol oleh polis.

Keadilan negara mereka sendiri kerap dipertikaikan oleh rakyatnya. Kini mereka cuba menunjuk pandai terhadap orang lain. Yang pastinya manusia kurang ajar ini tidak wajar dibenarkan menjejaki negara ini.

Kita tidak boleh benarkan gejala kurang ajar tujuh ahli Kongres terbabit meresap ke dalam budaya kesopanan masyarakat Malaysia.

Tindakan parti Keadilan mengadakan perhimpunan haram baru-baru ini adalah satu lagi bukti gejala kurang ajar yang meresap ke dalam kumpulan pembangkang ini.

Ini bukanlah kali pertama parti tersebut tidak mengendahkan undang-undang negara, malah sudah terlalu kerap.

Umpama seorang manusia yang berkali-kali diingatkan akan sesuatu peraturan, namun seringkali juga diketepikan peringatan tersebut.

Begitulah juga dengan Keadilan - parti yang lantang menunjukkan sikap kurang ajarnya.

Ezam sendiri secara lantang mengakui perbuatan khianatnya di luar negara dan kini secara lantang pula mencabar pihak berkuasa agar menangkapnya.

Tidak sukar untuk kita mengagak motif sebenar di sebalik cabarannya. Ezam jelas cuba untuk menjadikan dirinya hero.

Sekiranya pihak berkuasa menangkap beliau, maka akan dicanangkan ke seluruh dunia bahawa Malaysia sudah tiada kebebasan bersuara lagi. Dan kononnya beliau menjadi mangsa terhadap kekejaman tersebut. Maka, jadilah beliau hero... hero yang derhaka.

Ezam boleh terus mencabar pihak berkuasa tetapi dalam masa yang sama,

sikap kurang ajar beliau diperhatikan oleh sebilangan besar rakyat Malaysia yang cintakan tanah air.

Beliau tiada sumbangan terhadap negara kecuali sikap kurang ajarnya yang cuba menjual maruah negara kepada kuasa asing yang bermuslihat.

Saya percaya lambat laun penderhaka ini akan terhukum oleh rakyat Malaysia sendiri kerana penderhakaannya.